

Penilaian Proses Program Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah

(Process Evaluation of Universiti Malaysia Sabah Co-Curriculum Program with Credit)

Crispina Gregory K Han^{1*} , Mohammad Azri Amatan² , Jurry Foo³ 
Colonius Atang⁴ , Connie Cassy Ompok⁵ 

¹Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: crispina@ums.edu.my

²Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: mohammad_azri_dp20@iluv.ums.edu.my

³Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: jurryfm@ums.edu.my

⁴Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: colonius@ums.edu.my

⁵Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: connieompok@ums.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Crispina Gregory K Han
(crispina@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Ko-kurikulum
Penilaian Proses
Model KIPP

KEYWORDS:

Co-curriculum
Process Evaluation
CIPP Model

CITATION:

Crispina Gregory K Han et al. (2023).
Penilaian Proses Program Ko-Kurikulum
Berkredit Universiti Malaysia Sabah.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002391.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2391>

ABSTRAK

Penilaian proses dalam Model CIPP berfokuskan kepada ruang lingkup perancangan dan suatu proses tertentu yang diaplikasikan ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan. Tujuan kajian adalah untuk membuat penilaian proses Program Ko-Kurikulum Berkredit di Universiti Malaysia Sabah yang dikendalikan oleh Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar sejak tahun 2002. Justeru, penilaian proses untuk program ini wajar dilaksanakan berdasarkan matlamat mengapa sesuatu penilaian itu dibuat. Pendekatan Penilaian Proses adalah berdasarkan Model Konteks, Input, Proses dan Produk yang berfokuskan kepada penilaian proses sahaja. Kajian kualitatif menggunakan pensampelan bertujuan dan temu bual berstruktur ke atas sembilan informan kajian iaitu pelajar-pelajar yang mengambil kursus ko-kurikulum berkredit. Implikasi kajian mendapati kursus-kursus ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah wajar diteruskan penawarannya dengan mengambilkira penambahbaikan seperti yang dicadangkan.

ABSTRACT

Process evaluation in the CIPP Model focuses on the scope of planning and a specific process that is applied toward achieving the set goals. The purpose of this study is to do

the evaluation process which has been managed by the Co-Curriculum and Student Development Center since 2002. Thus, the evaluation process for this program should be carried out based on the goal of why an evaluation is made. The Process Evaluation approach is based on the Context, Input, Process, and Product Model that only focuses on process evaluation. The qualitative research uses purposive sampling and structured interviews with nine informants, which are students who take co-curriculum courses with credit. The implications of the study found that the 'Co-curriculum Program with Credit' at Universiti Malaysia Sabah should continue to be offered by taking into account the improvements as suggested.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berjaya menghasilkan maklumat berkaitan Penilaian Proses Program Ko-kurikulum Berkredit yang ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah, iaitu secara khususnya dapat merungkai persoalan kajian berhubung pelaksanaan Program Ko-Kurikulum Berkredit, dengan meneroka aktiviti-aktiviti program, proses pelaksanaan aktiviti program, penglibatan masyarakat, kekuatan, kelemahan, dan cadangan penambahbaikan.

1. Pengenalan

Penawaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit dikendalikan oleh Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) sejak 21 tahun yang lalu. Justeru, penilaian program adalah wajar untuk dilaksanakan. Penilaian program ko-kurikulum bertujuan untuk membuat penambahbaikan dan memberi informasi yang tepat untuk pembuat dasar membuat keputusan. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada penilaian proses Program Ko-Kurikulum Berkredit. Dapatan kajian ini, diharapkan dapat memberi panduan kepada pembuat dasar untuk membuat satu keputusan yang tepat dan jitu sama ada kursus-kursus yang ditawarkan akan terus dikekalkan, digugurkan ataupun diubahsuai untuk tujuan penambahbaikan. Menurut [Mohd Azam et al. \(2016\)](#), pemerksaan program kokurikulum perlu dibuat terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), pengurusan PKPP adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ko-kurikulum yang merupakan kursus teras atau wajib universiti. Selain itu, kursus-kursus ko-kurikulum bertujuan untuk membangunkan daya dan potensi pelajar bagi penguasaan kemahiran insaniah melalui aktiviti pemajuan pelajar ([Universiti Malaysia Sabah, 2017](#)).

1.1. Pernyataan Masalah

Penilaian terhadap aspek proses tidak harus diabaikan kerana keupayaan aspek ini membantu dalam melonjakkan pencapaian matlamat yang diinginkan ([Stufflebeam, 2003](#)). Tanpa kajian penilaian proses, kita akan sentiasa mempunyai persepsi bahawa setiap kursus ko-kurikulum berkredit adalah sentiasa baik dan sesuai untuk ditawarkan dari masa ke masa. [Stufflebeam dan Shinkfield \(2007\)](#), memperincikan kaedah penilaian proses boleh dilakukan dengan melakukan tinjauan bagi menentukan tahap perancangan iaitu melihat secara spesifik tahap kesediaan prosedur, mengenal pasti kelemahan, mengenal pasti penyesuaian yang diperlukan, mendapatkan maklumat tambahan untuk pembetulan dan perubahan, mendokumentasikan proses pelaksanaan,

serta meninjau perjalanan aktiviti pelaksanaan yang dijalankan. Dalam hal ini, penilaian proses berfungsi sebagai pemantau aspek perancangan dan kemajuan melalui maklum balas daripada kelompok pelaksana secara tepat (Stufflebeam, 2001; Bernadette, 2002; Mohd Ramzan & Rohaidza, 2018).

Proses pelaksanaan sesuatu program secara tidak langsung dapat dipantau secara berterusan dan meneroka persoalan sejauh mana proses pelaksanaan itu berjalan mengikut perancangan dan garis panduan yang ditetapkan. Penilaian proses juga berupaya merungkai persoalan tentang sejauh mana perancangan telah diterapkan atau dilaksanakan, melihat kemungkinan penambahbaikan prosedur, konflik yang timbul, sokongan, kekuatan dan kelemahan bahan, penyampaian dan masalah belanjawan agar dapat dikawal dan diperbaiki sesuai dengan keperluan, seterusnya aktiviti, perancangan dan kaedah permasalahan pelaksanaan ditangani (Worthen & Sanders, 1981; Bernadette, 2002; Farida Yusuf, 2008).

Sejak tempoh penubuhan PKPP, belum ada sebarang usaha untuk melaksanakan penilaian proses terhadap pelaksanaan program ko-kurikulum. Sehingga kini, PKPP belum mempunyai data lengkap mengenai kekuatan, kelemahan, dan penambahbaikan untuk kursus-kursus dalam Program Ko-kurikulum Berkredit. Maklumat ini sangat penting untuk pembangunan kursus-kursus ko-kurikulum yang dapat memantapkan kemahiran insaniah mengikut era perkembangan generasi muda masa kini. Lanjutan daripada situasi ini, wajarlah kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran yang tepat dan telus mengenai penawaran kursus-kursus berkredit di bawah PKPP, khususnya berkenaan dengan penilaian proses "Program Ko-kurikulum Berkredit". Kajian ini meneroka aktiviti, proses pelaksanaan aktiviti, penglibatan masyarakat, kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan. Dalam hal ini, penilaian adalah satu disiplin yang amat penting bagi memastikan suatu program atau projek itu berjaya atau disebaliknya. Oleh itu, dapatan kajian ini menyediakan maklumat agar langkah pembetulan dapat diambil dan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

Kuliah dan latihan amali kursus ko-kurikulum dijalankan pada setiap hari Sabtu atau Ahad dengan jam kontek sebanyak tiga jam setiap minggu atau mengikut keperluan asas kursus yang didaftarkan. Pecahan pembelajaran kursus ini adalah 30% teori dan 70% latihan amali atau persembahan. Pelajar juga diwajibkan mengambil bahagian dalam aktiviti kemahasiswaan yang melibatkan masyarakat umum melalui kursus ko-kurikulum yang diikuti dan menjayakan Karnival Ko-kurikulum yang diadakan pada minggu terakhir kuliah setiap semester (Universiti Malaysia Sabah, 2017). Semasa karnival tersebut, pelajar dikehendaki mengadakan aktiviti yang bersesuaian dengan kursus yang diikuti seperti mengadakan persembahan kebudayaan dan kesenian, pameran, pertandingan sukan dan kemahiran, program keterampilan dan kepimpinan pelajar dan lain-lain (Universiti Malaysia Sabah, 2017).

1.2. Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membuat penilaian proses Program Ko-Kurikulum Berkredit dengan objektif kajian khusus untuk meneroka aktiviti Program Ko-Kurikulum Berkredit, proses pelaksanaan aktiviti Program ko-kurikulum Berkredit, penglibatan masyarakat dalam Program Ko-Kurikulum Berkredit, kekuatan Program Ko-Kurikulum Berkredit, kelemahan Program Ko-Kurikulum Berkredit dan cadangan penambahbaikan Program Ko-Kurikulum Berkredit.

2. Metod Kajian

Kajian kes merupakan kaedah paling popular terutama dalam penyelidikan pendidikan, penilaian dan organisasi untuk mengakses pelbagai maklumat yang lebih komprehensif. Menurut Stake (2010), kajian kes merupakan idea yang dominan dan boleh berubah mengikut kesesuaian aktiviti bagi menjelaskan sesuatu fenomena dan peristiwa. Dalam konteks kajian penilaian produk ini, pengkaji memainkan peranan penting untuk berada di lapangan bagi memperoleh data kajian dan mendapatkan kefahaman lebih mendalam mengenai fenomena kes. Hal ini disebabkan kajian kes merupakan kerangka utama untuk melaksanakan kajian secara kualitatif (Stake, 2010) dan membolehkan pengkaji memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa yang berlaku di dalam persekitaran sebenar dan meneroka sesuatu fenomena sosial yang kompleks (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Temubual secara *focus-group* dalam kajian ini meneroka aktiviti, proses pelaksanaan aktiviti, penglibatan komuniti/masyarakat, kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan Program Ko-Kurikulum Berkredit. Seramai sembilan informan telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan.

3. Hasil Kajian

Hasil kajian yang dilaporkan adalah penerokaan tentang aktiviti, proses pelaksanaan aktiviti, penglibatan masyarakat, kekuatan, kelemahan dan penambahbaikan Program Ko-kurikulum Berkredit yang diperoleh melalui temubual informan.

3.1. Aktiviti-Aktiviti Program ko-kurikulum Berkredit

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah mengikut garis panduan PKPP iaitu selain kuliah mingguan dan penilaian, setiap kursus hendaklah melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk UMS SPRINT dan karnival ko-kurikulum. Hasil temu bual mendapati setiap kursus telah pun melaksanakannya. Aktiviti-aktiviti seperti pertandingan inovasi, persediaan proposal sama ada untuk UMS SPRINT dan karnival ko-kurikulum, tayangan montaj, persembahan video dan poster terbaik, persembahan nyanyian dan sesi ceramah yang melibatkan masyarakat luar telah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) kerana pada masa kejadian adalah dalam fasa pandemik Covid-19. Berikut adalah hasil analisis temu bual berstruktur dalam meneroka aktiviti Program Ko-kurikulum Berkredit.

"Bagi kursus kepimpinan dan motivasi bakti siswa, kami ada buat program inovasi, kedua kami buat aktiviti UMS SPRINT dan ketiga kami juga ada karnival kokum. Dari minggu pertama hingga minggu terakhir kami ada kuliah and assessment" (Pelajar 1)

"Kami ada kuliah dan juga penilaian. Kami juga ada pertandingan inovasi untuk UMS SPRINT di samping menyediakan slaid pembentangan tentang topik yang kami telah belajar dan aktiviti karnival kokum." (Pelajar 2)

"Saya ikut kursus Bakti Siswa Sekyen 5. Seperti yang lain kami juga ada kuliah mingguan. Aktiviti kami ialah karnival inovasi, UMS SPRINT dan kami juga ada buat karnival kokum." (Pelajar 3)

"Saya sertai dalam interim. Selain daripada kuliah dan ujian, kami juga ada beberapa aktiviti. Aktiviti pertama, adalah pertandingan inovasi.

Aktiviti kedua, aktiviti untuk UMSPRINT untuk program kami dan aktiviti ketiga adalah menyediakan slaid untuk rumusan pembelajaran kami.” (Pelajar 4)

“Aktiviti yang pertama dalam reka bentuk inovasi, kedua penyediaan proposal untuk UMS SPRINT dan juga terlibat dalam karnival kokum selain minggu kuliah dan penilaian kursus seperti kuiz.” (Pelajar 5)

“Kami ada kuliah setiap minggu. Ada juga ikut aktiviti inovasi kemudian kami buat program sendiri bagi aktiviti UMS SPRINT dan yang terakhir adalah karnival kokum. Dalam karnival kokum, sedar lebih kepada tayangan montaj dan ada persembahan.” (Pelajar 6)

“Aktiviti yang saya sertai dalam kursus, yang pertama ialah UMS SPRINT. Dalam UMS SPRINT ini saya mengetuai program ini kerana saya ketua dalam UMS SPRINT. Kami cadangkan produk untuk idea kami dalam UMSPRINT. Okay, kursus kepimpinan dalam bakti siswa ini menjadi johan. Aktiviti yang kedua, kami hasilkan idea mengenai dunia siber dan dalam ceramah itu saya menjadi moderator. Aktiviti lain kami juga ada penyediaan video. Kami dibahagikan beberapa kumpulan untuk nyanyian. Target kami untuk masyarakat adalah seramai 50 orang untuk kursus ini.” (Pelajar 7)

“Aktiviti yang dilakukan tidaklah banyak. Antaranya adalah UMS SPRINT iaitu kami panggil aktiviti sharing gambar raya dan seterusnya adalah karnival ko-kurikulum.” (Pelajar 8)

“Saya ambil Interim. Madam bagi taklimat interim di awal sesi dan ada kuliah serta tugas, aktiviti inovasi dalam UMS SPRINT, kena buat video Negara ku, dan sesi pengenalan dalam video masa awal-awal semester.” (Pelajar 9)

3.2. Proses Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Kursus-Kursus Ko-Kurikulum Berkredit.

Proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran kursus-kursus dalam program ko-kurikulum berkredit dilaksanakan dalam 14 minggu. Taklimat ringkas mengenai kursus dibuat pada minggu pertama dan kemudiannya kuliah setiap minggu dan di penghujung semester pula adalah sesi penilaian seperti kuiz dan peperiksaan. Karnival inovasi dibuat setelah pengetahuan dan kemahiran diperolehi dalam beberapa minggu pengkuliah. Pelajar perlu menyediakan proposal untuk aktiviti UMS SPRINT dan untuk setiap kursus adalah berlainan kerana proses pelaksanaannya dalam bentuk maya (*virtual*) disebabkan masih dalam fasa pandemik Covid-19 pada ketika itu. Aktiviti menyediakan video inovasi dan poster untuk tujuan pertandingan dilaksanakan secara bekerjasama dan mengikut pembahagian kumpulan kecil. Nyanyian lagu Negaraku turut dinyanyikan di samping lagu-lagu pilihan mengikut kursus. Pembentangan topik pembelajaran dilaksanakan mengikut kumpulan dan mingguan. Variasi aktiviti dalam UMS SPRINT dan Karnival Kokum menunjukkan terdapatnya elemen kreativiti yang dihasilkan dalam kalangan pelajar. Berikut adalah hasil analisis temu bual berstruktur dalam meneroka proses pelaksanaan Program Ko-kurikulum Berkredit.

“Kami buat yang pertama sekali program inovasi bagi kursus kepimpinan dan motivasi Bakti Siswa, kedua kami buat aktiviti UMS SPRINT. Sebelum itu, ada aktiviti menyanyikan lagu Negaraku, scrapbook untuk kepelbagaian kaum. Kemudian Yang terakhir kami menyanyi lagu Standing in the Eyes of the World” by Ella. (Pelajar 1)

“Lebih kurang sama juga pada awalnya kami ada kuliah inovasi untuk mempersiapkan kami untuk melaksanakan karnival inovasi dan setiap kumpulan telah menghasilkan inovasi tersendiri sebelum kami adakan pemilihan wakil. Kami ada buat video Hari Raya guna tik tok untuk mempromosikan UMS SPRINT kami iaitu festival Bakti Siswa. Ada nyanyian lagu Negaraku dan secara kerja mingguan. Sejak kuliah selesai kami akan diberi 20 minit untuk menyediakan slaid pembentangan tentang topik yang kami telah belajar dan akan diberi masa selama 1 jam untuk semua 8 kumpulan untuk pembentangan.” (Pelajar 2)

“Untuk Bakti Siswa seksyen 5 kami ada kuliah mingguan. Aktiviti yang besar kami jalankan adalah karnival inovasi di mana beberapa kumpulan perlu buat poster dan video inovasi. Kemudian, kami mula UMS SPRINT di mana beberapa kumpulan akan ada cadangan untuk buat kertas kerja di mana kumpulan yang terpilih iaitu ‘Program For You’. Kami ada buat karnival kokum iaitu buat poster untuk menunjukkan apa yang kami belajar sepanjang semester dan ada menyanyikan lagu Negaraku.” (Pelajar 3)

“Aktiviti pertama, inovasi untuk reka satu benda menggunakan benda terpakai seperti buat light lamp, kami gunakan sudu plastik. Kami bentang dulu dan kumpulan pemenang dipilih untuk mewakili seksyen kami. Selepas itu, kami hantar video pembentangan kami dan dua minggu kemudian, kami perlu masuk satu facebook live bertanding dengan seksyen lain. Aktiviti kedua kami buat proposal untuk UMS SPRINT. Kumpulan kami buat proposal program yang bertajuk ‘feeling and healing’, yang berkaitan dengan kesihatan mental. Tapi untuk program tersebut, kumpulan yang dipilih ialah kumpulan tiga iaitu tentang bahasa isyarat. Kami dijadikan sebagai AJK untuk sama-sama melaksanakan program itu dengan jaya. Kami perlu rumuskan balik apa aktiviti yang telah dilakukan. Setiap kumpulan perlu buat satu video and pemenang dipilih untuk mewakili seksyen kami. Pemenang bagi video rumusan adalah kumpulan enam. Kami ada enam topik kuliah semua. Kami diberi nota dan disuruh buat pembacaan untuk setiap minggu dan satu kumpulan perlu bentang dua tajuk. Minggu yang lain pula, bincang tentang proposal dan dibentang selain perbincangan tentang peperiksaan dan kuiz.” (Pelajar 4)

“Aktiviti yang saya sertai, pertama kami terlibat dalam reka bentuk inovasi dan kami membentuk lima kumpulan untuk menyumbangkan satu idea inovasi dan akan dibuat satu undian yang mana yang terbaik dipilih mewakili seksyen. Selepas itu, saya juga terlibat dalam penyediaan proposal untuk UMS SPRINT dan juga terlibat dalam karnival kokum sebagai AJK IT untuk kumpulan dua. Seterusnya, aktiviti kuliah kami telah disuruh menjawab kuiz pada akhir pembelajaran.” (Pelajar 5)

“Pertama adalah kuliah, kami ada pengucapan awam di mana setiap kali kelas kami akan mulakan dengan beberapa pelajar berkongsi berkaitan dengan tajuk yang diberikan oleh tenaga pengajar, kemudian kami juga ada buat modul perpaduan dan kami buat video di mana semua pelajar diminta buat dalam kumpulan. Ada juga nyanyian lagu Negaraku. Kami juga ikut aktiviti inovasi kemudian kami buat program aktiviti UMS SPRINT dan yang terakhir adalah karnival kokum” (Pelajar 6)

“Untuk UMS SPRINT setiap kali perjumpaan, kami berbincang tentang apa yang akan kami buat. Lepas tu kami bahagikan kumpulan kecil untuk pembuatan video dan poster. Proposal kami ada buat untuk kami buat ceramah dan sasaran kami adalah seratus lebih orang di Malaysia. Aktiviti ceramah itu menggalakkan pelajar-pelajar UMS dan dari Kolej Vokasional juga. Saya sebagai ketua dalam UMS SPRINT membimbing rakan untuk membuat video. Laporan dibuat selepas buat ceramah. Kami juga ada nyanyian dan kami buat editing video dan poster juga.” (Pelajar 7)

“Saya sebagai pengarah program untuk kursus saya. Kalau program UMS SPRINT saya buat dua kumpulan iaitu satu kumpulan induk dan satu adalah team sprint di mana kami akan bekerjasama iaitu macam team sprint akan handle bahagian UMS SPRINT dan sekiranya ada masalah dia akan inform pada team induk iaitu team saya, pengarah dan Jawatankuasa kumpulan yang lain. Antara pelaksanaan adalah kami akan buat UMS SPRINT pada minggu ke-tujuh dan setiap dua minggu sekali kami meeting untuk menjayakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain. Peranan saya adalah sebagai pengarah dan yang kedua adalah memantau macam mana kumpulan kami melaksanakan aktiviti UMS SPRINT. Kumpulan induk yang ketiga adalah membantu dari segi pencarian penceramah ataupun dari segi stream google meet dan sebagainya.” (Pelajar 8)

“Pertama, penyertaan inovasi dan kami bahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan buat inovasi dan kami bentang dalam kelas untuk memilih seksyen 4 ke karnival inovasi. Kumpulan saya telah terpilih iaitu ‘mee kolok’ itulah kumpulan kami. Aktiviti UMS SPRINT pula, kami guna platform google meet dan fb live. Saya sebagai AJK teknikal perlu jadi back up untuk screen recording google meet pada hari kejadian UMS SPRINT. Saya jadi ketua untuk aktiviti karnival kokum kumpulan 1. Saya pilih bahagian ketua untuk buat video untuk karnival kokum dan ada 7 orang sukarela membantu saya buat video. Ada juga aktiviti macam dalam kelas, kami diminta buat video lagu Negara Ku mengikut kumpulan karnival inovasi.” (Pelajar 9)

3.3. Penglibatan masyarakat dalam Program Ko-kurikulum Berkredit

Penglibatan masyarakat umum turut dilibatkan secara aktif yang dilaksanakan secara maya melalui aktiviti UMS SPRINT, karnival ko-kurikulum dan aktiviti-aktiviti dalaman mengikut kursus-kursus ko-kurikulum. Berikut adalah hasil analisis dapatan kajian mengenai penglibatan masyarakat dalam Program Ko-kurikulum Berkredit.

"...ada ceramah yang melibatkan seratus orang di Malaysia secara maya melibatkan pelajar UMS sendiri, kolej-kolej vokasional dan pelajar IPTA....." (Pelajar 1)

"..Dalam ko-kurikulum yang saya sertai, UMS sejati Bomba dan Penyelamat aktivitiya ada tiga sahaja iaitu UMS SPRINT, aktiviti dalaman seperti sharing gambar Raya melibatkan komuniti seperti parents kepada students dan seterusnya karnival ko-kurikulum" (Pelajar 2)

"Kursus Animasi...mengenai gambar hari raya itu kami memilih komuniti masyarakat yang sedia ada macam kawan-kawan keluarga sendiri yang terdekat saja" (Pelajar 3)

"Saya ambil interim yang bermaksud interaksi institusi-institusi dan masyarakat di mana untuk UMS SPRINT kami buat inovasi, kalau dalam kelas tu aktiviti biasa lah macam lecture, assignment, kena buat video negara ku, introduction video masa awal-awal sem dulu itu lah aktiviti-aktiviti yang dilakukan" (Pelajar 4)

"..kami punya UMS SPRINT bagi kursus Interim bertajuk Trust Mirages...kami buka kepada orang luar juga dan masa hari UMS SPRINT ada juga lah penglibatan orang luar melalui facebook live dan kami gunakan google meet dan screen terus ke facebook page UMS SPRINT kami. Orang bagi komen dekat situ dan nampak lah respon mereka. Dianggarkan 100 orang kalau saya tidak silap tapi yang hadir pada hari kejadian.. kebanyakannya guru-guru sekolah sebab ada sesetengah cikgu mengajar di kawasan pedalaman yang pernah mengendali isu Trust Mirages dalam kalangan pelajar mereka di kawasan pedalaman." (Pelajar 4)

"Webinar online dalam kursus UMS Sejati, Paramedik 2 kami jemput satu doktor untuk kanser payudara, manakala dalam karnival kokum, semua kursus terlibat jadi kami cuma sediakan satu video iaitu hasil pembelajaran kami dan poster sama tajuk dengan video kami. Kami berfokuskan sememangnya orang awam tetapi memandangkan tajuk kami berfokuskan kepada wanita, kebanyakan komuniti yang terlibat adalah wanita. Kami ada juga terima pelajar-pelajar dari sekolah, kami ada promote orang awam, dan guru. Kami juga ada libatkan Pink ribbon KK di mana kami ada satu sesi perkongsian oleh kanser survivor, di mana dia ni salah satu ahli Pink Ribbon KK. Kami punya komuniti lebih kurang 30 orang awam, kami ada 80 ahli paramedik 20 bukan ahli tapi pelajar UMS." (Pelajar 5)

"Dalam interim, kami 50 orang dan kami akan membentuk empat pelajar dalam satu kumpulan untuk mengendalikan karnival kokum. Jadi setiap kumpulan akan buat satu idea untuk satu program untuk dipilih satu program yang harus kami buat. Kami jalankan pengundian untuk memilih program yang terbaik. Program yang kami buat ialah 'Now U Can Hear Me' yang berkaitan dengan orang pekak. Kami menjemput

jurubahasa luar, jadi dia bagi talk in body language. Walaupun kami punya aktiviti online tapi AJK yang berada dalam kampus kami berkumpul, di mana saya sendiri sebagai AJK teknikal menyediakan satu tempat di atlit launch.” (Pelajar 6)

“Kami buat satu program UMS SPRINT yang menyasarkan 1000 orang yang melibatkan orang luar juga seperti ibu bapa, family dan orang kampung. Komuniti itu lebih kepada orang awam dan pelajar ums. Setiap program kami ada 50 orang dan setiap orang wajib ada 10 peserta yang join. Kami yang cari peserta. Jadi, kami memang pasti ada 500 orang. Orang awam adalah kawan-kawan kami, keluarga, semua ikut dalam fb live. Macam saya sendiri saya bawa saya punya family saya bawa kawan dari UKM, UNIMAS dan rakan saya juga MPP di UITM Shah Alam dan dia juga bantu untuk promote kami punya program supaya program kami dapat sambutan. Selain itu, saya juga ada kawan MPP di Kolej Matrikulasi Labuan (KML) untuk sebarkan program, dan juga orang awam.” (Pelajar 6)

“Kursus kami menganjurkan satu program dalam UMS SPRINT yang bertajuk, Ceramah Kesihatan Mental di mana penceramah dari fakulti kami sendiri untuk menyampaikan ceramah ini kepada pelajar-pelajar terutama kepada kanak-kanak apabila menggunakan gajet terlalu lama dan kesannya kepada kanak-kanak. Jadi, UMS SPRINT kami itu hanya dalam kalangan pelajar sahaja.” (Pelajar 7)

“Kami ada buat live fb selain kami guna microsoft team. Kami jemput ibu bapa untuk join live fb. Ceramah sangat sesuai untuk parents mendidik anak-anak. Kami punya program ni telah disokong oleh NGO Mental Health Care. NGO telah memberi sumbangan dalam bentuk baju. Lebih kurang 80-100 orang menyertai ceramah” (Pelajar 7)

“Dalam kursus Interim, kami ikut UMS SPRINT iaitu siswa prihatin kami buat program lebih kepada motivasi, mengalakkan atau memberi kesedaran kepada orang ramai. So.. kami memilih tajuk ‘No Body Shamming Respect Each Other “. Program kami menyasarkan kepada pelajar universiti sahaja misalnya dari UNIMAS dan juga semenanjung. Cikgu-cikgu pun ada yang join juga. Seramai lebih kurang 300 lebih peserta yang mengikuti secara online program ini, so kami ada dua penceramah daripada UMS dan seorang penceramah yang ada klinik kaunseling.” Terdapat dua sesi iaitu; Apa itu body shamming? dan kedua Bagaimana mengatasi body shamming?” (Pelajar 8)

“Kami pilih komuniti sekolah rendah untuk interim seksyen 6. Lebih daripada 100 juga ikut dan yang mendaftar seramai 300 orang. Kami buat aktiviti secara face to face. So, madam kami dan ada kawan-kawan yang lain yang pergi” (Pelajar 8)

“Saya dari kursus bakti siswa seksyen 3, basically is the same ada UMS SPRINT, ada karnival kokum. So dalam karnival Bakti Siswa itu, kami buat tiga aktiviti iaitu forum kepimpinan. Kami jemput dua alumni ums iaitu bekas mantan presiden MPP seorang lagi dari HEP. Kemudian kami

ada buat pertandingan sajak yang bertajuk kepimpinan dan motivasi dan terbuka kepada semua pelajar ums. Kami ada buat pertandingan debat yang bertemakan kepimpinan dan inovasi. Pertandingan ini kami buka kepada pelajar sekolah menengah.” (Pelajar 9)

“Pelajar sekolah menengah, sekitar KK menyertai pertandingan debat antara pelajar sekolah bertemakan ‘kepimpinan dan motivasi’. Setiap sidang mereka akan cabut undi sebab ada banyak tajuk dan tema kepimpinan dan motivasi. Selepas pelajar dapat tajuk, dalam 30 minit pelajar akan memulakan perdebatan. Sebanyak 5 atau 6 sekolah berdebat dalam 2 hari. Hari pertama ada beberapa sidang. Kumpulan lawan kumpulan mana melalui cabutan undi menggunakan spin wheel untuk tajuk dan untuk penentuan siapa pembangkang dan siapa kerajaan. Hari kedua semifinal pada hari Sabtu dan final pada hari Ahad. Lebih kurang 80 orang menyaksikan pertandingan ini.” (Pelajar 9)

3.4. Kekuatan Program Ko-kurikulum

Kekuatan Program Ko-kurikulum Berkredit dapat dilihat dari aspek pengurusan kursus yang baik, perancangan aktiviti yang baik, kemahiran berkomunikasi bertambah baik, pengalaman pembelajaran, pengalaman mengurus aktiviti, memperoleh pengetahuan baru dan kemahiran digital, peningkatan dalam keyakinan diri, penyelesaian masalah, penulisan *proposal* dan sikap bertoleransi serta bertimbang rasa. Berikut adalah hasil analisis dapatan kajian mengenai kekuatan Program Ko-kurikulum Berkredit.

“Karnival inovasi memberikan kemahiran kepada saya dalam editing video. Mereka telah mengajar saya urutan satu persatu editing video dan mencantikkan video. Aktiviti UMS SPRINT saya dilantik sebagai AJK teknikal. Pada mulanya, saya rasa susah tapi lama kelamaan sebagai AJK teknikal saya telah biasa dengan tugas teknikal itu. Saya ni.. kurang sedikit berkenaan dengan kemahiran digital, namun saya telah mendapat kemahiran yang baru dalam meneroka dunia digital. Seterusnya karnival kokum, banyak mengajar saya dari segi soft skills, seperti berkomunikasi sesama rakan dan mengajar saya dalam menyelesaikan masalah.” (Pelajar 1)

“Semua aktiviti itu dapat lebih mengasah bakat saya sebagai seorang ketua. Saya memang suka melibatkan diri dan ini kira pertama kali untuk mengasah bakat saya untuk berkomunikasi dengan orang kampung, JPKK, pegawai majlis daerah dan doktor. Memang soft skill mengajar saya macam mana berkomunikasi dengan ahli-ahli saya. Saya juga dapat belajar menyelesaikan masalah-masalah yang dalam kalangan rakan-rakan saya.” (Pelajar 2)

“Aktiviti UMS SPRINT mengajar saya buat kertas kerja kerana ini adalah first time saya. Saya dapatlah ilmu baru macam mana mau buat dokumen ini dan ikut formatnya. Saya boleh kata UMS SPRINT banyak mengajar saya urus acara sebagai pengarah program yang begitu besar tambahan lagi peringkat universiti. Jadi, saya banyaklah belajar handle kertas kerja dan ahli-ahli AJK. Saya belajar how to communicate the information yang saya mahu sampaikan dalam cara yang bagus dan

senang difahami. Pembelajaran cara urus masa untuk UMS sprint kerana banyak betul due date for assignment.” (Pelajar 3)

“Saya selalu ingat macam apa dah saya buat tu betul, tapi bila kami lakukan projek inovasi, kami perlu reka satu barang kan jadi kami perlu bincang dulu. Masa bincang itulah saya perasan saya perlu consider pendapat orang lain juga sebab kita kerja sebagai satu kumpulan. Kedua, saya dapat tahu cara pengeditan video. Ini memang membantu sangat untuk saya bukan hanya kursus ini tapi juga ada dalam kelab-kelab lain. Apabila saya jadi AJK edit poster kah video kah, mudah untuk saya buat. Ketiga, saya berpeluang untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris kerana dalam kumpulan ada seorang rakan kami dari luar negara” (Pelajar 4)

“Saya banyak mempelajari tentang belajar penulisan kertas kerja. Sepanjang 14 minggu tersebut saya juga belajar cara untuk menaikkan keyakinan diri sebab kami melakukan pengucapan awam setiap minggu dan saya pun diberi peluang untuk berucap lagipun saya sebagai ketua dalam group tersebut. Ini juga menambah keyakinan saya. Kepimpinan saya semakin baik kerana sebelum ini saya pernah dilantik menjadi penghulu bagi perkhemahan ko-kurikulum Tingkatan 6. Di Universiti, jauh berbeza sikit kerana lebih terbuka. Dari segi komunikasi pula, kalau dulu saya kurang berkomunikasi sebab saya introvert person. Sekarang masuk Uni saya lebih yakin bercakap dengan kawan-kawan.” (Pelajar 5)

“Kebaikannya, saya dapat meningkatkan keyakinan diri, dapat belajar cara melaksanakan program, dapat mengikut waktu yang ditetapkan. Saya seorang yang sebenarnya tidak suka bercakap di khalayak ramai. Tapi program ini mengajar saya untuk memiliki keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan orang lain.” (Pelajar 6)

“Saya perolehi daripada aktiviti-aktiviti UMS SPRINT ialah saya boleh mengetahui sesuatu yang baru. Ya, saya bertambah yakin untuk berkomunikasi, keyakinan diri saya meningkat, saya boleh bercakap di hadapan umum, keyakinan saya bertambah bila berkomunikasi dengan orang awam.” (Pelajar 7)

“Dengan pengurusan yang baik, kami dapat memenangi pertandingan poster dan video terbaik. Ini adalah achievement yang baik... hasil pengurusan yang baik, dan timing yang tepat. Kami dapat merancang aktiviti-aktiviti tersebut tanpa masalah dan melaksanakannya dengan baik. Kami juga dapat membina communication with each other. Selain itu, dapat membina pengalaman pembelajaran seperti yang dikatakan oleh jurulatih bagi mencapai hasil pembelajaran. Juga dapat menambah pengetahuan saya dengan lebih mendalam tentang teori-teori pengurusan ataupun dari segi aspek pembelajaran saya dan seterusnya dari segi kemahiran pula, saya dapat meningkatkan keyakinan berkomunikasi di antara saya punya team” (Pelajar 8).

“Saya dapat belajar untuk uruskan projek yang lebih teratur. Saya menjadi lebih toleransi terhadap satu dengan lain dan lebih mudah untuk membuat satu kata sepakat.” (Pelajar 9)

3.5. Kelemahan Program Ko-kurikulum

Kelemahan Program Ko-kurikulum Berkredit pula dapat dilihat dari aspek kekurangan panduan penulisan surat rasmi, *template* sijil, bilangan jam kredit Interim, aktiviti yang dapat menggabungkan semua kursus ko-kurikulum, kesuntukan masa membuat aktiviti, dan penyampaian maklumat tugas/aktiviti di saat-saat akhir. Berikut adalah hasil analisis dapatan kajian mengenai kelemahan Program Ko-kurikulum Berkredit.

“Dalam kuliah, tidak diajar macam mana mau hubungi HEPA, macam mana tulis surat-surat rasmi untuk jemput panel dan lebih-lebih lagi penyediaan sijil. Tambahan lagi semua ko-kum adalah secara maya. Ini menyukarkan kita bergerak keluar untuk berurusan.” (Pelajar 1)

“Bagi saya, 2 jam kredit untuk kursus Interim adalah tidak mencukupi memandangkan tenaga pengajar menggunakan masa lebih dari 2 jam kredit untuk perbincangan aktiviti.” (Pelajar 2)

“Kita ada UMS SPRINT dan karnival ko-kum tapi belum pernah ada satu aktiviti yang besar untuk penyertaan semua kursus-kursus dalam program ko-kurikulum.” (Pelajar 3)

“Kami selalu kesuntukan masa untuk melaksanakan aktiviti ko-kum dengan baik. Bukan disebabkan kami gagal mengurus masa namun arahan yang diterima selalu kami dapat di saat-saat akhir.” (Pelajar 4)

“Setakat ini, kita tidak ada satu aktiviti yang menggabungkan semua pelajar dari kursus lain. Selain itu, kami sangat pack untuk sem ini. Pemberitahuan informasi berkaitan program perlulah diberitahu awal-awal. Ini macam last minute dan kami rasa macam tertekan, mana lagi nak siapkan assignment, mana lagi nak siapkan ini kokum, so perlu bagi tau awal-awal.” (Pelajar 5)

“Sekarang ini semua kursus adalah secara online. Saya ok juga dengan cara belajar ini cuma ada batasannya, iaitu ada perkara fizikal yang tidak dapat dilaksanakan secara online. Selain itu juga, tempoh penghantaran tugas dalam masa yang singkat. Kelam kabut buat laporan selepas program dan pelajar juga kekadang ada masalah dan sukar untuk hantar dalam masa yang singkat. Dari segi kepemimpinan, saya perlu perbaiki lagi kerana masih kurang... macam saya ada beberapa kali saya tidak dapat beri kerjasama kepada ketua, dan ada juga beberapa kali saya tidak dapat beri kerjasama kepada ahli kumpulan.”(Pelajar 6)

“Semua kursus ko-kurikulum ini sepatutnya dibuat secara face to face. Tapi sebab pandemik maka terpaksa secara online. Adalah sukar untuk melaksanakan aktiviti ko-kurikulum secara online” (Pelajar 7)

"Kesuntukan masa untuk buat poster dan video program karnival kokum. Jadi produk karnival kami tidak cantik dan banyak kurang. Ala kadar sahaja hasilnya"(Pelajar 8)

"Ada maklumat yang saya tidak sempat info kepada ahli-ahli lain kerana maklumat yang diterima sangat lambat. " (Pelajar 9)

"Penyampaian maklumat last minute dan ini sukar untuk kami bahagikan kerja dan masa bila last minute." (Pelajar 9)

3.6. Penambahbaikan kursus-kursus Program Ko-kurikulum Berkredit

Informan yang merupakan klien kepada Program Ko-kurikulum Berkredit mencadangkan supaya kursus-kursus ko-kurikulum lebih baik dibuat secara bersemuka, penyampaian maklumat daripada tenaga pengajar perlu dibuat lebih awal supaya pelajar mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan aktiviti UMS SPRINT dan karnival ko-kurikulum, pengurusan masa pelaksanaan aktiviti yang lebih baik dan mencadangkan untuk melaksanakan satu aktiviti yang melibatkan semua kursus yang terdapat dalam program ko-kurikulum. Seorang informan menyatakan perlu ada bimbingan penyediaan surat-menyurat dan *template* sijil dapat dimasukkan dalam kandungan kuliah.

"Kalau boleh pensyarah bagi briefing macam mana kita mau hubungi orang-orang atasan macam HEPA, macam mana tulis surat-surat rasmi, macam mana tulis surat untuk jemput panel. Kena bagi masuklah kuliah macam mana template sijil disedia dalam google drive." (Pelajar 1)

"Interim ini boleh juga 3 jam kredit. Kuliah macam kurang untuk dipelajari. Bagi saya perlu tambah 1 Jam kredit sebab ada pensyarah, perlukan masa tambahan untuk perbincangan aktiviti." (Pelajar 2)

"Cadangan saya pula, pihak ko-kurikulum boleh buat banyak aktiviti yang boleh menggabungkan semua kursus untuk berkomunikasi antara satu kursus dengan yang lain." (Pelajar 3)

"kena maklumkan seminggu awal atau 2/3 hari lebih awal supaya boleh bersedia untuk program." (Pelajar 4)

"Bukan sahaja kita berkenalan dengan sesama kita di dalam kursus itu tetapi boleh juga berkenalan dengan rakan-rakan di kursus lain. Contoh aktiviti yang simple macam gotong royong kah dan mungkin kalau kita boleh buat program yang kerja kumpulan yang dalam kumpulan terdiri daripada pelbagai kursus yang campur dengan kursus-kursus lain. At the same time boleh improve juga komunikasi dengan ahli lain." (Pelajar 5)

"Kalau saya dari kursus itu sendiri untuk masa sekarang yang online memang sudah ok. Tapi kalau masa akan datang boleh buat secara offline maybe saya suggest pihak PKPP boleh buat satu aktiviti yang melibatkan semua kursus yang terdapat dalam ko-kurikulum. Cadangan dan penambahbaikan juga saya mencadangkan untuk hari penghantaran suatu tugas diberikan tempoh yang lebih panjanglah

macam tarikh laporan penghantaran laporan UMS SPRINT kami perlu hantar dalam dua hari selepas program jadi kami agak kelam kabut untuk buat.” (Pelajar 6)

“Semua kursus ko-kurikulum ini dibuat dalam talian memandangkan dalam fasa pandemik covid-19. Lebih baik dibuat secara face to face.” (Pelajar 7)

“Kalau saya pula dari segi masa. Sebab untuk program karnival kokum kan masa untuk kami buat poster dan video sangat singkat, sebab banyak yang perlu compile benda ni perlu buat video dan buat poster lagi. Contohnya, kami 16 hb kena hantar tapi kami 14 hb baru diberi tahu untuk buat benda tu. Jadi, pembahagian masa kurang lah untuk mau cantikkan lagi produk karnival itu.” (Pelajar 8)

“Bagi saya penyampaian maklumat tu kalau boleh jangan last minit sebab saya tidak dapat kongsi maklumat kepada seksyen yang lain kerana kami selalu dapat maklumat yang last minit. Contohnya, karnival itu minggu depan dan minggu ni baru kami dapat. So kami hanya ada satu minggu sahaja untuk buat persediaan. “ (Pelajar 9)

“Kalau boleh penyampaian maklumat janganlah last minit. Kalau benda tu sudah dirancang awal lebih baik bagi tau awal supaya kami ada masa untuk buat persediaan awal. Kami boleh bahagi awal masa kami, sebab kami bukan sahaja hanya buat aktiviti UMS SPRINT. Kami ada komitmen lain, subjek lain dan program luar.” (Pelajar 9)

4. Perbincangan

Dapatan kajian berhubung penilaian proses Program Ko-kurikulum Berkredit mendapati aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah mengikut garis panduan PKPP iaitu selain kuliah mingguan dan penilaian, setiap kursus telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk UMS SPRINT dan karnival ko-kurikulum. Proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran kursus-kursus dalam Program Ko-Kurikulum Berkredit dilaksanakan dalam 14 minggu dengan taklimat ringkas mengenai kursus, pelaksanaan kuliah, dan pentaksiran kursus. Pelaksanaan karnival inovasi hanya dibuat setelah pengetahuan dan kemahiran diperoleh, penyediaan *proposal* untuk aktiviti UMS SPRINT berlainan dan pelbagai mengikut kesesuaian proses pelaksanaannya dalam bentuk maya (*virtual*) akibat fasa pandemik Covid-19 pada ketika itu. Pertandingan aktiviti video inovasi dan poster dilaksanakan secara bekerjasama dan mengikut pembahagian kumpulan kecil. Kekuatan Program Ko-kurikulum Berkredit dapat dilihat dari aspek pengurusan kursus yang baik, perancangan aktiviti yang baik, kemahiran berkomunikasi semakin baik, pengalaman pembelajaran, pengalaman mengurus aktiviti, memperoleh pengetahuan baru dan kemahiran digital, peningkatan dalam keyakinan diri, penyelesaian masalah, penulisan *proposal* dan dapat memupuk sikap bertoleransi serta bertimbang rasa. Kelemahan Program Ko-kurikulum Berkredit pula dapat dilihat dari aspek kekurangan panduan penulisan surat rasmi, *template* sijil, bilangan jam kredit Interim, aktiviti yang dapat menggabungkan semua kursus ko-kurikulum, kesuntukan masa membuat aktiviti, dan penyampaian maklumat tugas/aktiviti di saat-saat akhir. Kebaikan Program Ko-kurikulum Berkredit lebih banyak berbanding kelemahan yang ada. Walaupun berdepan dengan permasalahan pandemik Covid-19 namun penglibatan masyarakat umum turut

dilibatkan secara aktif yang dilaksanakan secara maya melalui aktiviti UMS SPRINT, karnival ko-kurikulum dan aktiviti-aktiviti dalaman mengikut kursus-kursus ko-kurikulum. Penambahbaikan pelaksanaan kursus-kursus ko-kurikulum yang dicadangkan adalah kuliah bersemuka, penyampaian maklumat awal, pengurusan masa pelaksanaan aktiviti yang lebih baik dan mencadangkan satu aktiviti yang melibatkan semua kursus yang terdapat dalam Program Ko-Kurikulum Berkredit selain bimbingan penyediaan surat-menyurat dan *template* sijil.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil dapatan dan perbincangan kajian penilaian proses Program Ko-kurikulum Berkredit menunjukkan proses pelaksanaannya telah berjaya walaupun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19. Ini dapat menunjukkan kewajaran Program Ko-Kurikulum Berkredit untuk kekal diteruskan penawarannya dengan mengambilkira cadangan penambahbaikan dalam kajian ini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperolehi daripada semua peserta kajian selain daripada kebenaran Pusat Ko-kurikulum Pemajuan Pelajar (PKPP), UMS.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini, terutama sekali kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah di atas pembiayaan kajian ini, Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) di atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada pelajar-pelajar semester 2 sesi 2021-2022 yang sudi menjadi informan kajian.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini ditaja melalui geran penyelidikan Universiti Malaysia Sabah di bawah kod geran SDK0093.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Bernadette, R. (2002). *The CIPP approach to evaluation*. COLLIT Project.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 4th Edition. SAGE.
- Farida Yusuf Tayibnapi. (2008). *Evaluasi program dan instrumen evaluasi untuk program pendidikan dan penelitian*. Rineka Cipta.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. SanFrancisco: Jossey-Bass.
- Mohd Azam Muhamad Akhir Muhammad, Nubli Abdul Wahab & Zarina Mohd Ali (2016). Pengukuran dan Penilaian Tahap Emosi Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum: Permasalahan dan Cadangan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(2), 72-82.
- Mohd Ramzan Awang & Rohaidza Hakimah Mohamad. (2018). Penilaian keberkesanan program: Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen melalui analisis model pengukuran. *Seminar Kebangsaan PdPc Abad Ke-21, 23-25 April 2018*.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative Research: Studying How Things Work*. New York: The Guilford Press.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Stufflebeam, D. L. (2001). Evaluations models. *New directions for Evaluation*, 89, 7-99.
- Stufflebeam, D. L. (2003). The CIPP model for evaluation. In D. L. Stufflebeam & T. Kellaghan (Eds.), *The International Handbook of Educational Evaluation* (Chapter 2). Kluwer Academic Publishers.
- Universiti Malaysia Sabah (2017). *UMS Prospektus Prasiswazah, 2017-2018*. Universiti Malaysia Sabah.
- Worthen, B. R., & Sanders, J. R. (1981). *Educational evaluation: Theory and practice*. Charles A. Jones Publishing Company.